

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan: Soalan 30

Penyata kedudukan kewangan berikut telah diambil daripada Kedai Runcit Salsa pada 31 Disember 2016:

Kedai Runcit Salsa			
Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016			
	RM		RM
Kenderaan	48,600	Modal	50,000
Akaun belum terima	3,788	Untung bersih	8,757
Inventori	12,904	Akaun belum bayar	9,888
Bank	2,971		
Tunai	382		
	68,645		68,645

Perkara-perkara berikut belum lagi diambil kira semasa menyediakan kunci kira-kira di atas:

- (i) Kenderaan hendaklah disusutnilaikan sebanyak 20% setahun atas kos.
- (ii) Satu salinan invoice barang niaga berjumlah RM460 tertinggal dicatat. Kos barang dijual ialah RM400.
- (iii) Belian kredit barang niaga sebanyak RM800.
- (iv) Mengeluarkan cek RM250 untuk kegunaan pejabat.
- (v) Inventori akhir telah dilebih nilai sebanyak RM390.
- (vi) Peruntukan hutang rugu diwujudkan sebanyak RM280.
- (vii) Hutang sebanyak RM150 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (viii) Hutang lapuk terpulih sebanyak RM240 tunai telah diterima. Sebahagian daripadanya, RM100, telah digunakan untuk membeli alatulis untuk anak pemilik.
- (ix) Pulangan belian RM50.
- (x) Menerima cek bernilai RM720 daripada akaun belum terima dan memberikan diskaun sebanyak RM40.

Dikehendaki:

- (a) Menyediakan penyata kedudukan kewangan selepas mengambil kira perkara-perkara di atas. Jalan kerja perlu ditunjukkan secara berasingan dalam bentuk jadual persamaan perakaunan.
- (b) Sediakan Akaun modal perniagaan ini pada tarikh berkaitan.